

## Projek Keusahawanan Sosial Dapat Memenuhi Keperluan Penduduk Miskin dan Miskin Tegar

Ibrahim Mamat<sup>1</sup>, Aslina Nasir<sup>2</sup> dan Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Kemiskinan masih menjadi masalah utama dalam proses pembangunan di Malaysia. Bagi menangani masalah ini, berbagai-bagai rancangan pembangunan telah dijalankan di Malaysia. Namun pada keseluruhannya, rancangan berkenaan didapati kurang berjaya dan berkesan. Oleh itu, pihak kerajaan telah melancarkan pelbagai program untuk membangunkan pelbagai sektor bagi meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti supaya dapat meningkatkan pendapatan dan menghapuskan kadar kemiskinan tegar. Kajian ini berusaha melihat masalah kemiskinan dalam kalangan keluarga miskin dan miskin tegar dalam kawasan Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan keluarga miskin dan miskin tegar supaya dapat menentukan bantuan program pembangunan keluarga. Seramai 68 orang dipilih untuk ditemu bual di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu sebagai responden kajian. Responden kajian ini dipilih secara rawak di sekitar kawasan Teluk Ketapang. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for the Social Science (SPSS) versi 18.00. Hasil analisis diterangkan dalam bentuk peratusan dan crosstab. Penemuan kajian melibatkan profil, maklumat ekonomi warga miskin dan miskin tegar, tahap kepuasan terhadap kemudahan sedia ada dan menilai keperluan mereka. Antara keperluan yang dikenal pasti adalah pendidikan, kemahiran, keagamaan, sosial, makanan dan pakaian, kesihatan, perumahan, peralatan rumah dan pengangkutan. Kajian ini menunjukkan pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan, pendidikan, kerohanian/keagamaan, kegiatan sosial, pemakaian/pakaian/kesihatan, perumahan, pengangkutan/perhubungan, keperluan khusus Orang Kurang Upaya (OKU) dan keperluan-keperluan lain merupakan senarai keperluan yang harus diberi perhatian serius. Keluarga miskin dan miskin tegar harus bersedia dan sanggup berusaha memajukan diri sendiri agar kesejahteraan hidup mereka bertambah baik di samping pihak kerajaan memainkan peranan penting untuk memajukan penduduk yang berada dalam kemiskinan. Oleh itu, penambahbaikan program yang lebih terancang dan terkawal perlu dilaksanakan supaya masalah kemiskinan dapat diatasi.*

**Kata kunci:** *penilaian program, keperluan, bantuan, program, keluarga miskin, miskin tegar, Teluk Ketapang, Kuala Terengganu.*

---

<sup>1</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), E-mail: mibrahim30@gmail.com

<sup>2</sup> Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

<sup>3</sup>Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

## ABSTRACT

*Poverty is the main problem of Malaysia development. Many programs provide by government to solve this problem to increase a level of socio-economy community but until today it still cannot solve this problem. This study purpose is to know the crisis of poverty among Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. This study also examines a necessary of poor family and to determine which program can suit to the programs of family development by government to their needs. The study samples involved of 68 respondents by randomly to have interview by researcher. Researcher also used a survey form as a research instruments. The results of the study data analyze using software Statistical Packages for the Social Science version 18.00 (SPSS v.18). The results of the study were explained by a percentage and crosstab. This study also includes an economic profile, a satisfaction to use a facility by as is where is, and determine what they really needs. This result of this study show a poverty family needs an education, technical skills, religious, social, food and shelter, health, home equipment and transportation. This study also determine priorities program needs by poverty family is job to increase their income, education, religious, social activity, cloth, health, housing, transportation/communication, special equipment for disability person, and another lists to be consider seriously. The poverty family needs to change and take a massive action to improve their life beside of support by government. These studies also suggest an improvement to government's program to solve completely a poverty problem.*

**Keywords:** *valuing program, need, support, program, poverty family, low-class income, Teluk Ketapang, Kuala Terengganu*

## 1. PENGENALAN

Malaysia adalah negara yang sedang membangun dan disifatkan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan di Malaysia semakin menurun bermula dari tahun 1970 (49.3 peratus), 1980 (37.4 peratus), 1990 (16.5 peratus), 2002 (6.0 peratus), 2004 (5.7 peratus) hingga 2007 (3.6 peratus) (Laily dan Sharifah, 2010). Namun, kadar kemiskinan di Malaysia telah meningkat pada tahun 2009 (3.8 peratus) (Siti Hadijah dan Roslan, 2011). Sehubungan dengan itu, usaha untuk membasmi kemiskinan harus terus dipergiatkan lagi bagi mengurangkan kadar kemiskinan kepada dua peratus pada tahun 2015 (Unit Perancang Ekonomi, 2010) demi mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kemiskinan merujuk kepada ketidaksejahteraan, ketertinggalan dan kemunduran sesuatu masyarakat. Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting tahap kemiskinan. Konsep kemiskinan yang sering digunakan di Malaysia, adalah berasaskan komponen ekonomi dan dilihat dari dua aspek, iaitu kemiskinan mutlak dan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan pendapatan kasar bulanan untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi

rumah yang meliputi keperluan makanan, pakaian, tempat kediaman dan keperluan asas lain. Ukuran yang digunakan adalah berdasarkan taraf pendapatan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan relatif pula merujuk kepada ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan yang diukur berdasarkan nisbah perbezaan pendapatan antara kumpulan pendapatan, kumpulan etnik, isi rumah bandar dan luar bandar serta peratus isi rumah dengan pendapatan (Chamhuri, 2013).

Masalah kemiskinan tegar masih banyak terdapat di luar bandar yang majoritinya masyarakat petani, penternak dan nelayan. Kemiskinan tegar bermakna pendapatan mereka hanya separuh daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Ini bermakna pendapatan golongan yang berada dalam kemiskinan tegar hanyalah RM 460 sebulan kerana nilai PGK adalah RM 760 sebulan. Golongan yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM 2,000 sebulan pula termasuk dalam golongan mudah miskin. Walaupun negara Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi begitu pesat dan “*purchasing power parity*” yang tinggi, tetapi terdapat masyarakat pesisir masih lagi tersisih dari arus kemajuan dan kehidupan mereka adalah ibarat “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.” Banyak lagi usaha perlu dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang bersifat proaktif dan inovatif dalam merangka dasar, strategi dan program-program supaya dapat membendung kemiskinan dan berupaya meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat tani (Muhyiddin, 2005).

Golongan miskin tegar dan miskin terdiri daripada pelbagai peringkat umur, mempunyai latar belakang kehidupan dan kesihatan yang berbeza. Oleh itu, usaha untuk membasmi kemiskinan perlu dilaksanakan melalui pendekatan yang berbeza. Bantuan yang diberikan kepada golongan ini adalah dalam bentuk kewangan dan kebendaan. Pengalaman Jabatan Kebajikan Masyarakat selama hampir 60 tahun dalam memberi bantuan kebajikan. Kerajaan kini menjurus kepada “*productive welfare*” di mana golongan miskin tegar dan miskin yang produktif akan diberi bantuan kemahiran, latihan dan motivasi/kursus pembangunan minda. Tujuannya ialah untuk melatih mereka hidup berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Bagi golongan yang tidak produktif seperti golongan tua, berpenyakit (sakit terlantar) dan Orang Kurang Upaya (OKU), kerajaan akan terus memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan kebendaan. Manakala golongan yang produktif (mereka yang sihat), kerajaan akan menyerap mereka ke dalam program 1AZAM supaya dapat meningkatkan pendapatan dan tidak lagi berada di bawah kepompong kemiskinan. Program 1AZAM meliputi empat bidang iaitu Tani, Kerja, Khidmat dan Niaga (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

dan Masyarakat, 2011). Maka kajian ini dilakukan untuk mengkaji latar diri responden dan mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada keperluan penting penduduk Teluk Ketapang di Kuala Terengganu menerusi program pendidikan pemantapan kerohanian.

## **2. SOROTAN KARYA**

Kemiskinan boleh dilihat daripada pelbagai dimensi dan merupakan masalah sosial sejagat yang telah lama ditimbulkan sebagai isu penting di negara membangun. Fenomena kemiskinan di kebanyakan negara yang mencetuskan masalah sosioekonomi cuba diatasi melalui pelbagai usaha dan pelaksanaan program. Pembasmian kemiskinan merupakan salah satu strategi pembangunan utama yang diberi perhatian oleh Kerajaan Malaysia. Strategi ini dilaksanakan melalui program pembangunan yang difikirkan membawa kepada penghapusan kemiskinan. Pada peringkat awal (1970-1985), kebanyakan program untuk pembasmian kemiskinan lebih menekankan program bantuan jangka panjang dalam bentuk tidak langsung. Program digubal berasaskan teori limpahan ke bawah yang mengandaikan faedah daripada pembangunan akan akhirnya dapat dinikmati oleh golongan yang berpendapatan rendah.

Peruntukan program pembasmian kemiskinan diberi mengikut sektor dan bidang yang dianggap miskin seperti pertanian, perikanan, kawasan luar bandar, pembangunan wilayah dan peruntukan khas. Pelaksanaan program untuk penghapusan kemiskinan diharapkan dapat memajukan dan membangunkan sektor di pelbagai kawasan berkenaan. Matlamatnya ialah untuk pembangunan dan kemajuan dalam menambah pendapatan dan kemudahan asas penduduk yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini didapati tidak mampu membantu mereka yang termiskin, tersisih, terpinggir dan ketinggalan. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pendekatan berorientasikan kepada golongan sasaran sama ada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) atau Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN).

Seterusnya, masalah kemiskinan berkait rapat dengan perkara utama yang menjejaskan mata pencarian golongan miskin dalam masyarakat nelayan pesisir pantai. Kajian Salagrama (2006) untuk mengenal pasti kehidupan komuniti nelayan pantai Negeri Orissa di Negara India dengan menggunakan Sustainable Livelihoods Approach (SLA) mendapati terjadi hubungan antara kehidupan dan kemiskinan dalam membangunkan petunjuk bagi memantau hubungan dari semasa ke semasa seperti masalah kehidupan semula jadi, fizikal, sosial, manusia dan kewangan. Keadaan ini termasuklah peralihan dalam kaedah menangkap ikan dari sara hidup, iaitu aktiviti yang berasaskan tradisional. Nelayan merupakan buruh yang berasal dari golongan miskin yang masih menggunakan

kemahiran tradisional dan pergantungan ke atas sumber-sumber kewangan. Sebahagian besar nelayan terlibat dengan orang tengah yang memainkan peranan utama dalam pemasaran hasil tangkapan mereka, maka golongan nelayan hidup dalam keadaan tersepit dan miskin.

Manakala di Malaysia, pelbagai program telah diwujudkan sebagai langkah mengatasi masalah-masalah kemiskinan. Antara program yang dijalankan oleh Kerajaan ialah mengadakan rancangan pembangunan tanah seperti yang diuruskan oleh pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Pembangunan Nelayan Kawasan, program mikro kredit (Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Usaha Maju dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga) dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Kerajaan telah memperkenalkan program SPKR pada tahun 2001 di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) adalah kesinambungan daripada program pembasmian kemiskinan khususnya PPRT yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) setelah Perdana Menteri Malaysia Keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (1990-2000). Tujuan utama yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan skim tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk yang masih mencatatkan kadar kemiskinan yang tinggi. Terdapat tiga objektif utama yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan program ini. Objektif pertama ialah ingin menyumbang kepada usaha-usaha pengurangan kadar kemiskinan. Objektif kedua pula ialah ingin menyumbang kepada pertambahan peratusan isi rumah golongan berpendapatan sederhana, manakala objektif ketiga ialah ingin menyediakan kemudahan kepada kumpulan sasaran agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan.

Sejak tahun 2011, terdapat sembilan program utama telah dikenal pasti dan dilaksanakan di bawah SPKR. Antara program tersebut ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) dan Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera). Kerajaan membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan bagi melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan di bawah SPKR. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 90.0 juta kepada SPKR melalui Bajet 2010. Berdasarkan Laporan Ekonomi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (2010/2011), sejumlah RM 14.2 juta telah dibelanjakan untuk PPP, RM 4.1 juta digunakan bagi PLKK dan sebanyak RM 4.8 juta dihabiskan PKP. Bagi menyediakan perumahan mampu

milik dan memperbaiki rumah usang, sebanyak RM 30.6 juta telah dibelanjakan untuk PBR. manakala sebanyak RM 6.5 juta lagi telah digunakan untuk perbelanjaan pelaksanaan PPMI (Kementerian Kewangan Malaysia, 2010/2011).

Kajian yang dijalankan oleh Dara Aisyah (2012) di kawasan program SPKR Negeri Terengganu menunjukkan seramai 147 nelayan menerima bantuan. Mereka tinggal di beberapa kawasan seperti Kuala Terengganu, Marang, Kemaman, Setiu, Besut, Dungun, Kemasik, Kerteh Kijal, Merchang dan Paka. Majoriti (51 peratus) nelayan dalam kawasan program mengatakan bahawa tahap pekerjaan dan tahap kepuasan berbanding lima tahun dahulu sebelum menerima bantuan SPKR adalah sama. Maknanya nelayan belum merasakan adanya kenaikan pendapatan selepas mendapat bantuan program. Sebahagian besar (87.8 peratus) nelayan tidak memiliki pekerjaan sampingan atau tiada sumber rezeki di luar kerjaya tradisional mereka. Keadaan nelayan ini menunjukkan mereka tidak memiliki kemahiran lain dan hanya boleh bekerja di laut sebagai penangkap ikan untuk menyara diri dan keluarga. Masalah ini menyebabkan tiada penambahan pendapatan untuk nelayan di Kuala Terengganu, malah sebahagian besar (89.8 peratus) isteri nelayan hanya bekerja sebagai suri rumah (89.8 peratus) boleh menyebabkan mereka kesempitan hidup.

Seterusnya, berdasarkan kajian Dara Aisyah dan Nor Hayati (2014) didapati tidak wujud perubahan yang signifikan tahap pendapatan mereka dalam tempoh 10 tahun kerana masih sederhana miskin walaupun Kerajaan memberi bantuan kepada komuniti nelayan muara di pantai timur. Hasil kajian ini memberikan gambaran tentang keberkesanan bantuan Kerajaan terhadap kemajuan sosioekonomi komuniti nelayan muara di pantai timur semenanjung Malaysia. Beberapa dapatan kajian menunjukkan pendapatan komuniti nelayan di semenanjung pantai timur Malaysia dalam tempoh 10 tahun tidak mengalami perubahan yang signifikan. Pendapatan nelayan dalam tempoh 10 tahun dahulu hingga saat ini tak ada kenaikan yang bererti atau ketara. Kemampuan menabung juga masih sangat rendah kerana kurangnya pendapatan boleh guna yang dapat disimpan sebagai persediaan berjaga-jaga. Puncanya ialah perbelanjaan komuniti nelayan yang cukup tinggi setiap bulan untuk memenuhi keperluan makanan, pakaian, sekolah anak, pinjaman dan sebagainya.

Menurut Dara Aisyah (2011), penilaian program bantuan Kerajaan perlu dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti kecekapan dan keberkesanan agensi dalam mempertingkatkan taraf kesejahteraan komuniti pesisir pantai, terutamanya isi rumah miskin. Penilaian prestasi program bertujuan untuk menilai kesesuaian dan keperluan, kecekapan organisasi awam dari aspek polisi

dan implementasi serta kemampuan khususnya melibatkan mekanisme pengelolaan.

Kajian menunjukkan walaupun Kerajaan berjaya melaksanakan program bantuan terutamanya dari segi output kewangan, kemahiran dan penubuhan pelbagai agensi, namun prestasinya masih lemah dan tidak cekap. Satu polisi, strategi dan program yang lebih sesuai perlu dibentuk untuk menggantikan pengurusan program. Menurut Zazali (2004), walaupun Kerajaan membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk melaksanakan bantuan, namun peserta skim tersebut didapati kurang komited melibatkan diri dalam program-program yang dilaksanakan. Sedangkan keberhasilan pelaksanaan program dan projek pembangunan bukan sahaja tanggungjawab agensi pelaksana sepenuhnya, tetapi juga amat bergantung pada kerjasama serta penglibatan masyarakat setempat (Hedayat Allah, 2010; Asnarulkhadi dan Aref, 2011; Saheb dan Nobaya, 2010; Hedayat Allah dan Ma'rof, 2009; Haslina dan Regina, 2009). Memandangkan penglibatan penduduk setempat menjadi elemen penting yang mempengaruhi kejayaan sesuatu program pembasmian, maka satu kajian keperluan program pendidikan pemantapan kerohanian keluarga miskin dan miskin tegar Teluk Ketapang, Kuala Terengganu dalam menentukan faktor-faktor penyumbang kepada kepentingan keperluan penduduk di kawasan tersebut perlu dijalankan. Kajian ini melibatkan faktor-faktor seperti pendidikan, kemahiran, keagamaan, sosial, makanan dan pakaian, kesihatan, perumahan, peralatan rumah dan pengangkutan.

Beberapa langkah boleh diambil untuk meningkatkan pendapatan dan masa depan komuniti miskin. Kerajaan berkewajiban menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat sebagai pemerintah yang memegang amanah Allah. Masalah kemiskinan yang menjadi fokus untuk diselesaikan bukan sahaja melibatkan masalah kebendaan, malah merangkumi keruhanian (jiwa). Kemiskinan kebendaan boleh menjerumuskan seseorang itu kepada kerosakan akidah, pelanggaran etika dan akhlak, kelalaian dan gangguan fikiran, kerosakan kekeluargaan, masyarakat dan Negara. Maka kajian sedia ada perlu dikembangkan lagi dengan menggunakan pendekatan multi disiplin melalui pengembangan pelbagai faktor. Kajian yang bersifat pelbagai faktor dengan melibatkan tiga elemen atau komponen utama usaha sama masyarakat, agensi dan industri dalam program pemindahan ilmu melalui pengurusan komuniti. Pembangunan kemahiran usahawan berinovasi untuk membangun komuniti yang rabbani, mampan dan lestari dengan menggunakan pendekatan kejuruteraan sosial (Dara Aisyah dan Nor Hayati, 2014) perlu diteruskan agar komuniti miskin khususnya di pesisiran pantai dan muara Semenanjung Malaysia merasakan diri mereka mendapat perhatian istimewa dalam perancangan Kerajaan membasmi kemiskinan.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 68 orang ketua keluarga penduduk miskin sebagai responden. Senarai penduduk miskin Kampung Teluk Ketapang diperolehi dari Jawatankuasa Kemajuan dan Kebajikan Kampung (JKKK) dan pemimpin cawangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Penduduk dikategorikan sebagai miskin berdasarkan kriteria yang diwujudkan oleh setiap agensi. Penduduk ini juga merupakan kumpulan yang sedang menerima pelbagai bantuan dari pelbagai agensi. Projek ini bermula dengan satu kajian mendalam mengenai keluarga miskin yang tinggal di Kampung Teluk Ketapang.

Kajian ini membina satu set borang soal selidik khusus untuk mengumpul maklumat asas keluarga miskin dan menentukan keperluan anggota keluarga mereka. Ujian rintis dijalankan dalam bulan Ogos 2012 di Kampung Teluk Ketapang untuk mengetahui kesesuaian borang soal selidik. Pengumpulan data dibuat selama tiga bulan mulai September hingga November 2012. Semua penyelidik terlibat secara langsung dalam aktiviti temu bual responden. Mereka dibantu oleh beberapa orang pembanci. Masalah utama yang dihadapi semasa pengumpulan data ialah kesukaran mencari responden. Responden sukar dicari kerana ada yang telah meninggal dunia, berpindah dan tidak dapat dikesan.

Tujuan utama analisis data dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti keperluan setiap responden dan anggota keluarga mereka. Item atau perkara dalam borang soal selidik telah digubal untuk mengenal pasti jurang yang wujud antara keadaan sebenar dengan sepatutnya ada dalam kehidupan responden. Kaedah yang paling mudah mengenal pasti keperluan ialah dengan bertanya responden tentang apa yang mereka perlu ada untuk kesejahteraan hidup. Pendapat atau kekurangan yang mereka kenal pasti telah dijadikan panduan atau input untuk merancang aktiviti pembangunan. Maklumat yang dikumpul adalah mengenai keperluan responden melibatkan dua perkara penting, iaitu tahap kepentingan dan tahap kepuasan mengenai sesuatu perkara. Kedua-dua ukuran ini (kepentingan dan kepuasan) memberi gambaran tentang kekuatan dan keperluan kumpulan sasaran.

Berdasarkan formula di atas, kajian ini mengenal pasti semua item yang dikategorikan penting atau sebaliknya untuk dijadikan asas kepada perancangan aktiviti pembangunan kumpulan sasaran. Bilangan responden ditunjukkan di dalam satu jadual mengikut urutan peratusan. Peratusan dianggap tinggi sekiranya ramai (50 peratus) responden memerlukan sesuatu item dan dijadikan fokus serta input untuk merancang projek pembangunan untuk mereka.



#### 4. ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Kaedah analisis kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kestabilan dalaman (*internal consistency*) dengan menggunakan nilai pekali alpha. Menurut Zaidatun dan Mohd. Salleh (2003), kaedah ini adalah untuk melihat aras konsisten dalaman instrumen. Nilai pekali alpha yang maksimum ialah 1. Sekiranya nilai pekali alpha kurang daripada 0.6, maka instrumen yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan rendah. Pekali *Alpha Cronbach* telah diklasifikasikan mengikut indeks kebolehpercayaan oleh Norizan (2003) dan Azhar (2006) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Item-item dalam instrumen kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian sebenar sekiranya nilai pekali alpha melebihi 0.6. Sekiranya indeks lebih rendah dari nilai tersebut, item tersebut perlu diubahsuai atau diganti. Berikut adalah Jadual 1 yang menunjukkan indeks pekali *Alpha Cronbach*.

Jadual 1: Pekali *Alpha Cronbach*

<b>Indikator</b>	<b>Nilai Alfa Cronbach</b>
Sangat tinggi	0.90 - 1.00
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.30 - 0.69
Rendah	0.00 - 0.29

Sumber: Norizan (2003) dan Azhar (2006)

Kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai pekali *Alpha Cronbach* dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, maka semakin jitu data-data yang akan diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi faktor-faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Keputusan analisis ujian kebolehpercayaan

<b>Dimensi</b>	<b>BBil. Item</b>	<b>Alpha Cronbach</b>
Pendidikan	6	0.931
Kemahiran	4	0.932
Keagamaan	8	0.963
Sosial	4	0.925
Makanan dan Pakaian	5	0.930
Kesihatan	5	0.946
Perumahan	5	0.943
Peralatan Rumah	5	0.868
Pengangkutan	4	0.816
Keperluan	3	0.944

Jadual 2 menunjukkan kesemua nilai pekali *Alpha Cronbach* yang dihasilkan setiap dimensi lebih tinggi daripada 0.6 dan boleh diterima sebagai alat pengukuran (Sekaran, 2003).

## 5. PROFIL DAN MAKLUMAT SOSIOEKONOMI RESPONDEN

Masyarakat kampung Teluk Ketapang adalah masyarakat Melayu dan beragama Islam. Pada tahun 2010, bilangan penduduk kampung Teluk Ketapang adalah seramai 3452 orang yang terlibat dalam tujuh kategori pekerjaan, iaitu bekerja sebagai petani atau nelayan (616 orang), kerajaan (543 orang), suri rumah (410 orang), swasta (136 orang), pesara (78 orang), sendiri (65 orang) dan penganggur (16 orang). Berdasarkan data yang ditunjukkan, didapati berlaku ketidakseimbangan pendapatan isi rumah mengikut jenis pekerjaan. Oleh sebab itu, peratusan miskin dan miskin tegar masih tinggi dan berlaku agihan pendapatan yang tidak setara di antara penduduk kampung berkenaan. Golongan miskin (nelayan) ini mendiami kawasan sepanjang pesisir pantai Seberang Takir, manakala golongan pertengahan dan elit berpusat di kawasan jalan utama Seberang Takir. Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang yang besar di antara penduduk kampung tersebut.

Jadual 3: Profil Demografi Responden

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Gender	Lelaki	29	42.6
	Perempuan	39	57.4
Kategori	OKU tidak bekerja	10	14.7
	Pekerja cacat	6	8.8
	Warga mas (berumur >65 tahun)	17	25.0
	Penerima bantuan am	12	17.6
	Ibu/bapa tunggal	17	25.0
	Pesakit terlantar	2	2.9
	Orang awam (pendapatan <RM 700/sebulan)	4	5.9
Taraf kahwin	Bujang	8	11.8
	Berkahwin	33	48.5
	Janda/Duda	27	39.7

Jadual 3: Profil Demografi Responden (sambungan)

<b>Profil demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Pendidikan tertinggi	Tidak bersekolah	17	25.0
	Sekolah Rendah (UPSR)	22	32.4
	Sekolah Menengah Rendah (SRP/PMR)	11	16.2
		15	22.1
	Sekolah Menengah Atas (SPM/MCE)	2	2.9
	Sijil Kelayakan-kelayakan lain	1	1.5
Tahap kemiskinan	Miskin tegar	54	79.4
	Miskin	10	14.7
	Bukan miskin	4	5.9
Pekerjaan utama	Nelayan	9	13.2
	Petani	1	1.5
	Peniaga	3	4.4
	Buruh	7	10.3
	Penganggur	9	13.2
	Suri rumah	14	20.6
	Pekerjaan lain	25	36.8
Pendapatan isi Rumah	$0 \leq \text{Pendapatan} \leq \text{RM } 460$	54	79.4
	$\text{RM } 461 \leq \text{Pendapatan} \leq \text{RM } 760$	10	14.7
	$\text{Pendapatan} \geq \text{RM } 761$	4	5.9

Jadual 3 menunjukkan majoriti (57.4 peratus) responden adalah perempuan. Dari segi kategori, majoriti (25 peratus) responden merupakan warga emas berumur 65 tahun ke atas dan ibu/bapa tunggal (25 peratus). Peratusan tersebut menunjukkan majoriti penduduk di Teluk Ketapang terdiri warga emas dan ibu/bapa tunggal. Dari segi taraf perkahwinan pula, majoriti (48.5 peratus) responden telah berkahwin, janda/duda (39.7 peratus) dan masih bujang (11.8 peratus). Sebahagian besar (70 peratus) responden pernah mengikuti alam persekolahan secara formal dengan majoritinya (32.4 peratus) menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah, manakala sebahagian kecil (25 peratus) responden tidak bersekolah. Hanya terdapat segelintir (2.9 peratus) responden mempunyai sijil dan kelayakan-kelayakan lain (1.5 peratus). Kemiskinan di Teluk Ketapang berada pada tahap yang tinggi kerana majoritinya (79.4 peratus) adalah miskin tegar dan miskin (14.7 peratus). Majoriti (36.8 peratus) responden mempunyai pekerjaan lain untuk menambah pendapatan keluarga. Kebanyakan (79.4 peratus) pendapatan isi rumah RM 460 ke bawah sebulan.

Jadual 4: Purata Pendapatan dan Perbelanjaan Responden

Kategori responden	Purata pendapatan sebulan (RM)	Purata perbelanjaan sebulan (RM)	Kekurangan pendapatan bolehguna (RM)
OKU tidak bekerja	750	1,265	515
Pekerja cacat	460	1,069	609
Warga emas (melebihi 65 tahun)	260	1,080	820
Penerima bantuan am	580	1,472	892
Ibu/bapa tunggal	510	1,581	1,071
Pesakit terlantar	300	1,050	750
Orang awam (pendapatan kurang RM700/bulan)	600	1,637	1,037

Berdasarkan Jadual 4, didapati berlaku ketidakseimbangan antara pendapatan isi rumah dengan perbelanjaan mengikut jenis pekerjaan. Kategori responden dalam kalangan warga emas dan ibu/bapa tunggal memiliki purata pendapatan sebulan hanya RM 260 dan RM 510, manakala purata perbelanjaan sebulan sehingga RM 1,080 dan RM 1,581. Akibatnya pendapatan boleh guna mereka berkurangan RM 820 dan RM 1,071. Oleh itu, peratusan miskin dan miskin tegar masih tinggi dan berlaku agihan pendapatan yang tidak setara di antara penduduk kampung berkenaan menyebabkan majoriti ahli komuniti ini tidak dapat menabung. Golongan miskin (nelayan) ini mendiami kawasan sepanjang pesisir pantai Seberang Takir, manakala golongan pertengahan dan golongan elit berpusat di kawasan jalan utama Seberang Takir. Keadaan ini menyebabkan wujud jurang yang besar di antara penduduk kampung tersebut. Projek ini berusaha merancang usaha sementara pembangunan dengan melaksanakan analisis keperluan masyarakat terutama keluarga miskin bagi mengatasi kesilapan yang berlaku dalam perancangan pembangunan.

## 6. ANALISIS KEPUASAN EKONOMI

Tahap kepuasan responden terhadap pendapatan, pemilikan harta dan peluang pekerjaan adalah rendah sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 5. Jadual yang sama juga menunjukkan tahap pendidikan anak-anak adalah sederhana, maka pihak yang bertanggungjawab perlu memberi perhatian kepada keempat-empat aspek ini dalam meningkatkan ekonomi responden yang terlibat supaya dapat mengurangkan beban kemiskinan.

Jadual 5: Tahap Kepuasan Ekonomi Responden

Situasi	Pendapatan		Pemilikan harta		Peluang pekerjaan		Pendidikan Anak-anak	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Tiada	12	17.6	21	30.9	16	23.5	10	14.7
Rendah	40	58.8	33	48.5	30	44.1	20	29.4
Sederhana	13	19.1	9	13.2	15	22.1	23	33.8
Tinggi	0	0.0	1	1.5	1	1.5	5	7.4
Jumlah	65	95.6	64	94.1	62	91.2	58	85.3
Tidak Menjawab	3	4.4	4	5.9	6	8.8	10	14.7
Jumlah	68	100.0	68	100.0	68	100.0	68	100.0

## 7. ANALISIS KEPERLUAN RESPONDEN

Analisis keperluan ialah usaha untuk mengenal pasti jurang di antara apa yang wujud dengan apa sepatutnya responden miliki. Penduduk miskin diminta untuk memberi menyenaraikan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan dan menentukan tahap kepuasan untuk perkhidmatan tersebut. Kaedah ini memerlukan penglibatan semua penduduk miskin, kumpulan sokongan/penasihat (Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu) dan pihak universiti (Universiti Malaysia Terengganu). Hasil dari analisis keperluan dapat digunakan untuk membuat perancangan projek bagi membangunkan kumpulan sasar.

Dapatan kajian menunjukkan keperluan tertinggi keluarga miskin adalah keinginan menabung untuk masa hadapan (72.4 peratus), penglibatan kerajaan terhadap pembentukan sahsiah umat (54.8 peratus), jaminan harga minimum makanan (subsidi bahan makanan) (52.4 peratus), kemudahan klinik kesihatan (52.4 peratus) sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 6. Jadual yang sama juga menunjukkan keluarga miskin menginginkan pengerusi JKKK memainkan peranan dalam menjayakan aktiviti agama (50.8 peratus) dan keperluan pendidikan tuisyen untuk anak-anak mereka (46.0 peratus).

Jadual 6: Pandangan Responden Mengikut Senarai Keperluan

<b>Bil</b>	<b>Senarai Keperluan</b>	<b>Bilangan responden</b>	<b>Bilangan responden yang memerlukan</b>	<b>Peratus responden yang memerlukan</b>
Pendidikan				
	Tuisyen untuk anak	50	23	46.0
Kerohanian/Keagamaan				
	Solat berjemaah bersama anggota keluarga di rumah	65	27	41.5
	Peranan pengerusi JKKK dalam menjayakan aktiviti agama	63	32	50.8
	Penglibatan kerajaan terhadap pembentukan sahsiah umat	62	34	54.8

Jadual 6: Pandangan Responden Mengikut Senarai Keperluan (sambungan)

<b>Bil</b>	<b>Senarai Keperluan</b>	<b>Bilangan responden</b>	<b>Bilangan responden yang memerlukan</b>	<b>Peratus responden yang memerlukan</b>
Kegiatan Sosial				
	Bantuan warga kampung dalam mengatasi kemiskinan	63	28	44.4
	Hubungan antara masyarakat setempat dalam mengatasi kemiskinan	65	26	40.0
Pemakanan/Pakaian/Kesihatan				
	Harga makanan mampu	65	29	44.6
	Jaminan harga minimum makanan (subsidi bahan makanan)	63	33	52.4
	Kemudahan klinik kesihatan	65	29	44.6
	Kualiti perkhidmatan klinik kesihatan	63	33	52.4
Perumahan				
	Bantuan	58	25	43.1

membina/membaiki rumah			
Pengangkutan/ Perhubungan			
Memiliki kereta	56	28	50.0
Kos pengangkutan awam	55	22	40.0
Keperluan khusus untuk OKU			
Kemudahan kursus OKU di tempat awam	29	13	44.8
Peluang pekerjaan untuk OKU	28	12	42.9
Keperluan-keperluan lain			
Peranan agensi/program Kerajaan untuk membantu keluarga miskin	60	28	46.7
Bantuan yang diterima mencukupi	59	38	64.4
Keperluan menabung untuk masa hadapan	58	42	72.4

Menurut Hamizul (2013), terdapat enam keperluan asasi iaitu tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, rawatan dan pengangkutan. Enam perkara yang dinyatakan ini merupakan keperluan asasi kepada setiap manusia. Sekiranya pendapatan isi rumah yang diperolehi setiap bulan tidak mampu memenuhi kecukupan minima bagi keperluan ini, seseorang itu layak dianggap sama ada miskin atau fakir, manakala menurut Hairunnizam, *et al.* (2011) faktor keagamaan adalah penting kerana memberi kesan terhadap kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan positif yang akhirnya akan mengubah ekonomi dan gaya hidup golongan miskin dan fakir serta meningkatkan kualiti hidup dalam jangka masa panjang. Todaro (1997) mengatakan kemiskinan melibatkan dua aspek utama, iaitu ekonomi dan sosial. Ketidakeimbangan sosial menjadi penyebab kepada kepincangan ekonomi. Kepincangan ekonomi membantu mewujudkan ketidakseimbangan sosial.

Pendidikan (tuisyen untuk anak, jaminan anak melanjutkan pelajaran, bantuan kerajaan, peranan ibu bapa dalam membentuk kecemerlangan anak-anak dan kelengkapan peralatan sekolah), peralatan rumah (peti sejuk, kelengkapan dapur, televisyen dan telefon) dan pengangkutan (motosikal, kereta, pengangkutan awam dan kos pengangkutan awam) bukan keperluan penting yang dimahukan oleh penduduk keluarga miskin dan miskin tegar di Teluk Ketapang. Hasil dapatan ini bercanggahan dengan penemuan kajian Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (2001) mendapati golongan miskin yang diberikan pendidikan membantu mereka memperoleh kemahiran supaya mendapat pekerjaan lebih baik, meningkatkan daya saing dan pendidikan anak-anak mereka. Selain itu,

pengangkutan merupakan elemen yang penting kepada keluarga miskin dan miskin tegar. Pengangkutan merupakan keperluan yang penting pada masa kini untuk memudahkan perjalanan dan melakukan kerja seharian. Menurut Mohd Shaladdin, *et al.* (2006) pemilikan kenderaan merupakan faktor penting kerana keperluan asasi atau wajib dimiliki oleh semua masyarakat dan boleh menjana pendapatan tambahan.

Selain itu, bantuan yang telah diberikan kerajaan kepada peserta sepatutnya mengikut keperluan mereka. Ada (31 peratus) dalam kalangan peserta sangat mengharapkan bantuan yang diberikan kerajaan kepada mereka secara berterusan dan memenuhi keperluan tambahan seperti segala perlengkapan, modal dan peralatan. Mereka juga memerlukan sokongan moral (68 peratus) untuk membuat komuniti semakin berjaya. Oleh itu, kecekapan agensi pelaksana di kawasan program sangat diharapkan. Menurut pandangan peserta di kawasan program, agensi pelaksana hendaklah sentiasa turun padang dan melakukan interaksi secara bersemuka setiap bulan. Mereka ingin mengenali setiap ahli agensi pelaksana, melakukan penerangan secara terperinci mengenai program, membuat penyeliaan setiap bulan dan memberikan maklumat program anjuran mana-mana agensi yang berkaitan. Mereka juga mengharapkan agensi pelaksana memahami masalah, mengenal pasti dan punca kemiskinan supaya bantuan kerajaan dapat memberi semangat untuk memajukan diri.

## **8. PENUTUP**

Masalah kemiskinan berhubung kait dengan tiadanya pengetahuan, pelajaran, atau kemahiran dalam bidang perniagaan dan pertukangan yang dapat dijadikan mata pencarian (Nurizan, 1998). Kemiskinan merupakan suatu fenomena yang berlaku pada sesebuah negara sedang mencapai pembangunan. Kemiskinan mempunyai hubung kait dengan proses migrasi, urbanisasi dan pertumbuhan bandar sering mendapat perhatian ramai pengkaji seperti Nor Aini dan Chamhuri (2003) yang mengkaji sebab dan akibat serta implikasinya terhadap bandar. Kemiskinan bandar merupakan suatu fenomena yang sering dihadapi oleh bandar utama di dunia termasuklah di negara-negara maju seperti Amerika dan Jepun.

Kebanyakan projek pembangunan yang dijalankan di Malaysia biasanya ditentukan pihak penaja tanpa mengenal pasti terlebih dahulu keperluan sebenar kumpulan sasar. Projek pembangunan ini tidak menepati keperluan dan kemampuan kumpulan sasar serta gagal menyelesaikan masalah mereka. Pihak pemberi dana sering merancang projek pembangunan yang menumpukan kepada aspek ekonomi dan prasarana tidak mengkhusus kumpulan benar-benar memerlukan bantuan. Oleh itu, terdapat banyak kumpulan dalam masyarakat



yang terus tercicir dari arus pembangunan seperti kumpulan miskin, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, penganggur dan sebagainya.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini dan perbincangan dapat dirumuskan tahap kemiskinan penduduk di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu berada di peringkat yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti (54 orang) penduduk berpendapatan kurang dari RM 460. Perkara ini bermaksud pendapatan penduduk tersebut berada di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang tergolong miskin tegar. Puncanya ialah jenis pekerjaan utama yang dijalankan penduduk di Teluk Ketapang. Mereka hanya menjalankan pekerjaan seperti suri rumah, nelayan, buruh dan penganggur kerana tidak mempunyai kemahiran, manakala majoriti penduduk merupakan warga emas yang berumur 65 tahun ke atas serta dari kalangan ibu atau bapa tunggal.

Kajian ini menyenaraikan keperluan bagi keluarga miskin dan miskin tegar di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Kajian ini mendapati terdapat 18 keperluan tambahan mengikut peratus yang diperlukan responden, iaitu bantuan dan keperluan menabung untuk masa depan, solat berjemaah bersama anggota keluarga di rumah, peranan pengerusi JKKK dalam menjayakan aktiviti agama, penglibatan kerajaan terhadap pembentukan sahsiah umat, bantuan warga kampung dalam mengatasi kemiskinan, hubungan antara masyarakat setempat dalam mengatasi kemiskinan, harga makanan mampu, jaminan harga minimum makanan, kemudahan klinik kesihatan, kualiti perkhidmatan klinik kesihatan, bantuan membina/membaiki rumah, memiliki kereta, kos pengangkutan awam, kemudahan kursus OKU di tempat awam, peluang pekerjaan untuk OKU, peranan agensi/program kerajaan untuk membantu keluarga miskin dan keperluan tuisyen anak.

Manakala keperluan mereka yang harus diberikan perhatian serius ialah tabungan, jaminan pekerjaan, pendidikan, kerohanian/keagamaan, kegiatan sosial, pemakaian/pakaian/kesihatan, perumahan, pengangkutan/perhubungan, keperluan khusus untuk OKU dan keperluan-keperluan lain daripada Kerajaan. Pendidikan merupakan keperluan tidak penting bagi penduduk di Teluk Ketapang dan menjadi penyebab kepada kemiskinan yang melanda mereka, padahal pendidikan merupakan unsur yang penting untuk memajukan diri dan keluar dari kepompong kemiskinan.

Pihak kerajaan juga memainkan peranan penting untuk memajukan penduduk yang berada dalam kemiskinan seperti meningkatkan program kursus dan latihan kepada mereka, maka bilangan kursus, latihan, hebahan, kandungan dan

pendekatan kursus harus sentiasa dinilai keberkesanan. Agensi Kerajaan juga harus memperbanyak dan permudahkan khidmat nasihat serta rundingan kepada penduduk. Dalam masa yang sama agensi kerajaan menambah tempat dan pegawai pemberi khidmat nasihat. Penduduk yang mempunyai masalah lebih mudah bertemu pegawai terlibat untuk mendapatkan nasihat. Pegawai juga harus sentiasa turun padang untuk memberi penerangan dan memberi nasihat kepada penduduk.

Walaupun cadangan-cadangan tersebut lebih menjurus kepada peranan yang harus dimainkan oleh pihak kerajaan, tetapi kejayaan sesuatu program harus disambut dengan penuh pengertian oleh penduduk miskin. Penduduk harus bersedia dan sanggup berusaha gigih untuk memajukan diri sendiri agar kesejahteraan hidup mereka menjadi lebih baik. Penduduk juga perlu berusaha menambah pengetahuan, meningkatkan pelbagai aktiviti ekonomi supaya pendapatan bertambah, mengurus perbelanjaan dengan baik agar dapat meningkatkan simpanan dan seterusnya mampu memiliki rumah dan kenderaan sendiri. Pada masa kini, kenderaan dilihat sebagai keperluan asasi atau wajib dimiliki oleh semua masyarakat dan boleh menjana pendapatan tambahan. Jika adunan dua pihak, iaitu kerajaan dan penduduk miskin serta miskin tegar berjalan dengan cekap dan berkesan, maka kesejahteraan hidup golongan miskin dapat diubah menjelang tahun 2020.

## 9. RUJUKAN

- Asnarulkhadi Abu Samah and Aref, F. (2011). The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in processes of community development in Malaysia. *Journal of American Science*, 7(2), 186-195.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dara Aisyah Ali Puteh, Katiman Rostam dan Abdul Hair Awang. (2011). Keberkesanan Program PEMP dalam meningkatkan pendapatan isi rumah pesisir pantai Indonesia: Kes Kecamatan Cilincing, Jakarta Utara. *e-Bangi. Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 359-374.
- Dara Aisyah Ali Puteh. (2012). Pembangunan komuniti nelayan dan sumber perikanan. Prosiding pembangunan komuniti nelayan dan sumber perikanan. Universiti Malaysia Terengganu. ISBN 978-967-0524-14-6.

- Dara Aisyah Ali Puteh dan Nor Hayati Sa'at. (2014). Keberkesanan bantuan Kerajaan untuk memajukan taraf sosioekonomi komuniti nelayan: Kajian kes nelayan muara pantai timur. Prosiding Malaysian Social Conference. 18-20 August. Universiti Malaysia Terengganu.
- Chamhuri Siwar. (2013). Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader. (2011). Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup individu: Kajian kes asnaf fakir dan miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economic*. 14, 172-192.
- Hamizul Abdul Hamid. (2013). Siri 2: Fakir, miskin dan had al-Kifayah. [http://blog.ezakat.com.my/?page\\_id=296](http://blog.ezakat.com.my/?page_id=296).
- Haslina Hashim dan Regina Garai Abdullah. (2009). Penglibatan Komuniti Dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian kes di Pusat Pembangunan Desa Gedong, Sarawak. *Jurnal Akademika*, (77),41-67.
- Hedayat Allah Nikkhah. (2010). Women Empowerment Through Non-Governmental Organization's Programs In Shiraz, Iran. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Hedayat Allah Nikkhah and Ma'rof Redzuan. (2009). Participation As A Medium Of Empowerment In Community Development. *European Journal of Social Sciences*, 11(1), 170-176.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2011). Impak Positif NKRA LIH. <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/impak>.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2010/2011). Laporan Ekonomi: Bab 1 Pengurusan dan Prospek Ekonomi. Kementerian Kewangan Malaysia.
- Laily Paim dan Sharifah Azizah Haron. (2010). Konsep Dan Pendekatan Mengukur Kemiskinan.dalam Laily Paim dan Sharifah Azizah Haron (Eds.). *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Obiliz*. Universiti Putra Malaysia.
- Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua. (2001). Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua: Dasar Pembangunan Wawasan 2001-2010. Majlis Ekonomi Negara.

- Mohd Shaladdin Muda, Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin dan Nik Wan Omar. (2006). Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 58-77.
- Muhyiddin Mohd Yassin. (2005). Mesyuarat dengan ahli-ahli Exco Pertanian di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 25 Januari. <http://banktani.tripod.com/muhyiddin.htm>
- Nor Aini Idris dan Chamhuri Siwar. (2003). Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Abdul Razak. (2003). Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian Secondary School. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saheb, B. Z. and Nobaya Ahmad. (2010). Participation And Community Development. *Current Research Journal of Social Sciences*, 2(1), 13-14.
- Salagrama., V. (2006). Trends in poverty and livelihoods in coastal fishing communities of Orissa State, India. *FAO Fisheries Technical Paper. Food and Agriculture Organization of the United Nations, Rome*.
- Sekaran, U. (2003). *Research method for business: A skill building approach*, 4th ed. New York: John Willey & Sons.
- Siti Hadijah Che Mat dan Roslan Abdul Hakim. (2011). Jangka masa keluar daripada kepompong kemiskinan dan ketermiskinan: Kajian kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 18(2), 217-236.
- Todaro, M. (1997). *Economic Development*. 6th edition. London: Longman.
- Unit Perancang Ekonomi. (2010). *Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu. (2003). Analisis data berkomputer SPSS 11.5 for Windows, Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Zazali Salehudin. (2004). Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dalam Mohamad Khairudin Mohamad dan Ahmad Syahir Sarani (Eds). *Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar*. Institut Perkembangan Minda.